



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(59)

Tarikh : 20/09/2017

Ruj Tuan/ Our Ref:

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN SOKONGAN SIRI 3/2017

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

1. (a) **JAWATAN : PEMBANTU PENYELIDIK GRED Q19**
- (b) **TARAF JAWATAN :** Tetap/Kontrak
- (c) **JADUAL GAJI:** RM 1,355.00 (Minimum) – RM 4,007.00 (Maksimum)
- (d) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN:** RM 100.00
- (e) **IMBUHAN :**
 - (i) Tetap Khidmat Awam : RM115.00
 - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
 - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM300.00
- (f) **SYARAT LANTIKAN :**

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

 - (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (h) **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED Q19**
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q19 : RM1,355.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q19 : RM1,355.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q19 : RM1,411.40); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q19 : RM1,467.80); dan

(i) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan Gred Q19 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 13 Oktober 2017 (Jumaat)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No. Kotak:No. Dokumen: **10214246**